



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN SKIM INSURANS TAKAFUL
BERKELOMPOK JKJK, JKJKP DAN JKJKOA**

**DEWAN HYOGO
MARA-JAPAN INDUSTRIAL INSTITUTE (MJII)
BERANANG, SELANGOR**

**19 APRIL 2018 (KHAMIS)
WAKTU KETIBAAN: 10.30 PAGI**

SALUTASI

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh

Salam sejahtera, Salam Negaraku Malaysia dan Salam Sehati Sejiwa

Alhamdulillah, segala puji dan syukur saya panjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan RahmatNya jua, maka pada pagi ini kita dapat berhimpun di majlis yang amat bermakna ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Dato' Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz selaku Yang Dipertua kepada Pengerusi JKKKP di Parlimen Hulu Langat ini yang telah sudi meluangkan masa beliau untuk bersama-sama dengan seluruh kepimpinan JKKKP Hulu Langat pada hari ini. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YBhg. Dato' Mohd Rosli bin Ramli, Pegawai Kemajuan Negeri Selangor selaku penyelaras JKKKP bagi negeri Selangor yang turut hadir pada pagi ini.

2. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada pemimpin-pemimpin akar umbi khususnya Pengerusi JKKKP dan JKKK Orang Asli beserta ahli-ahli Jawatankuasanya dari daerah Hulu Langat yang turut hadir pada hari ini. Kehadiran tuan/puan pada hari ini begitu besar maknanya kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dalam usaha untuk membangunkan masyarakat luar bandar agar masyarakat luar bandar dapat dipertingkatkan seiring dengan masyarakat yang tinggal di kawasan bandar.

3. Tuan-tuan dan puan-puan, selaku JKKK, JKKKP dan JKKKOA, tuan/puan merupakan jentera kerajaan di peringkat paling asas yang menjadi penggerak utama yang terpenting dalam memajukan dan memakmurkan rakyat di luar bandar. JKKK, JKKKP dan JKKKOA ialah institusi yang telah wujud sejak sekian lama untuk menjaga keamanan, keselamatan kampung dan menjadi penghubung antara masyarakat kampung dengan kerajaan di peringkat daerah, negeri dan persekutuan. JKKK juga merupakan ejen perubahan (*change agent*) setempat di peringkat kampung. Jika kita kaji, institusi JKKK ini yang telah ditubuhkan semenjak dari tahun 1962 masih lagi memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat luar bandar yang berdaya maju namun masih mengekalkan nilai-nilai tradisional setempat sehingga ke hari ini dan terus berperanan memacu kemajuan kampung dan rakyat di luar bandar.

Tuan-Tuan, Puan-Puan dan sidang hadirin sekalian,

4. Sesungguhnya kerajaan sangat berterima kasih dan menyanjung tinggi peranan yang telah dimainkan oleh JKKK, JKKKP dan JKKKOA sebagai peneraju dan pembimbing masyarakat setempat. Tanggungjawab ini bukanlah satu tugas yang mudah, ianya memerlukan komitmen dan semangat kesukarelawan yang tinggi. Saya begitu menghargai sumbangan bakti, komitmen, titik peluh, pengorbanan dan kecemerlangan JKKK, JKKKP dan JKKKOA dalam memajukan

kampung dan masyarakat luar bandar sama ada dari aspek sosial, ekonomi, pembangunan komuniti dan modal insan.

5. Oleh itu, sebagai menghargai peranan dan tanggungjawab JKKK sebagai pendukung hasrat dan pelaksana dasar Kerajaan, maka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia semasa merasmikan Konvensyen JKKK/JKKKP/JKKKOA dan Anugerah Desa Perdana 2017 pada 22 Ogos 2017 telah mengumumkan inisiatif baharu kepada seluruh anggota JKKK iaitu **Skim Insurans Takaful Berkelompok JKKK/JKKKP/JKKKOA.**

6. Pewujudan Skim Insurans ini adalah bertujuan **memberi pengiktirafan terhadap jasa bakti dan komitmen JKKK/P/OA** dalam membangunkan kampung selama ini, **menjaga kebajikan JKKK/P/OA yang menjalankan tugas** serta **membantu meringankan beban ahli keluarga JKKK/P/OA** yang ditimpa musibah.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

7. Lanjutan daripada pengumuman YAB Perdana Menteri tersebut, majlis pada hari ini diadakan bertujuan untuk merealisasikan pengumuman Perdana Menteri yang amat mengambil berat terhadap kebajikan masyarakat luar bandar dan khususnya pemimpin akar umbi iaitu JKKK, JKKKP dan JKKKOA.

8. Skim perlindungan insurans ini akan **melindungi semua anggota JKKK/P/OA yang sedang berkhidmat** dan yang **berusia 69 tahun ke bawah** (berdasarkan kepada had umur maksima JKKK dalam Tatacara Pengurusan JKKK/JKKKP/JKKKOA). Bilangan perjawatan JKKK/P/OA seluruh negara pada ketika ini adalah dianggarkan sebanyak 250 ribu perjawatan.

9. Untuk makluman para hadirin, Skim insurans ini akan melindungi anggota JKKK/P/OA yang layak dilindungi dari kes-kes kematian biasa, keilangan kekal biasa, kematian akibat kemalangan dan keilangan kekal akibat kemalangan sepanjang tempoh perlindungan tersebut berkuatkuasa. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengumumkan kadar manfaat yang bakal diperolehi oleh anggota JKKK di bawah skim perlindungan takaful insurans JKKK/JKKKP/JKKKOA ini seperti berikut:

a)	Kematian Biasa	RM 3,000
b)	Keilangan Kekal Biasa	RM 3,000
c)	Kematian Akibat Kemalangan	RM 5,000
d)	Keilangan Kekal Akibat Kemalangan	RM 5,000
e)	Khairat Kematian	RM 1,000

10. **Kadar premium (bayaran)** yang telah diluluskan oleh Kerajaan bagi perlindungan insurans tersebut adalah sebanyak **RM 17.00 setahun bagi setiap anggota JKKK/P/OA.** Kerajaan akan menanggung sebanyak RM 10.00 manakala

anggota JKPP/P/OA akan menanggung baki RM 7.00. Walau bagaimanapun, **anggota JKPP/P/OA tidak perlu mengeluarkan wang walau satu sen** bagi membayar untuk skim insurans ini. Wang **RM 7.00** tersebut akan **dipotong daripada elaun yang setiap anggota JKPP terima** sekali sahaja dalam tempoh setahun bagi tujuan perlindungan insurans ini. Bagi Pengerusi dan Setiausaha, ia akan dipotong daripada elaun bulanan yang mereka perolehi manakala bagi ahli-ahli JKPP/P/OA pula, ia akan dipotong daripada Elaun Kehadiran Mesyuarat JKPP/P/OA.

11. Oleh itu, saya dengan sukacitanya ingin memaklumkan bahawa **perlindungan insurans ini telahpun mula berkuatkuasa pada tarikh 1 April 2018** yang lalu dan ia **akan tamat pada 31 Mac 2019**. Ini bermakna, tuan/puan yang menjawat jawatan sebagai anggota JKPP, JKPP dan JKPP/OA di seluruh negara telahpun dilindungi dari sebarang kejadian yang telah saya nyatakan sebentar tadi. Saya mengharapkan agar dengan adanya perlindungan insurans ini, tuan/puan akan dapat menjalankan tanggungjawab selaku JKPP, JKPP dan JKPP/OA dengan lebih bersemangat dan berdedikasi.

12. Untuk makluman dan kemudahan tuan/puan juga, saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan telah mendapatkan khidmat daripada syarikat insurans Takaful Ikhlas Berhad yang telah sudi untuk bekerjasama dengan KKLW bagi menawarkan pakej insurans ini. Oleh yang demikian, sekiranya wujud keperluan untuk membuat tuntutan insurans, pihak syarikat Takaful Ikhlas Berhad boleh dihubungi dan tuan/puan akan dilayan sama seperti pelanggan mereka yang lain.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

13. KKLW juga tidak akan terhenti setakat ini sahaja dalam usaha meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar. Pelbagai inisiatif dan program telah dan sedang dilaksanakan bagi memastikan kualiti hidup masyarakat luar bandar dapat dipertingkatkan seiring dengan motto KKLW 'Membandarkan Luar Bandar'. Dari sudut pembangunan, bukan sahaja aspek fizikal seperti pembinaan rumah PPRT, jalan raya, projek ameniti sosial (PAMS), Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dan Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB), malahan KKLW juga turut bertanggungjawab terhadap aspek pembangunan modal insan masyarakat luar bandar.

14. Program-program pendidikan secara formal bagi setiap lapisan masyarakat bermula dari tadika hingga hingga ke peringkat institusi pengajian tinggi dilaksanakan oleh KKLW dan agensi-agensinya. Selain itu, program latihan perniagaan serta kemasyarakatan turut dilaksanakan bagi memastikan usahawan luar bandar turut berkebolehan untuk mengembangkan perniagaan mereka. Bantuan-bantuan perniagaan kepada usahawan yang baharu berkecimpung dalam bidang perniagaan turut diberikan agar mereka dapat dipimpin dari langkah pertama

sehingga berjaya mempertingkatkan ekonomi dan taraf hidup mereka. Ini adalah sebahagian daripada program-program kelolaan KKLW terhadap golongan sasar iaitu masyarakat luar bandar.

15. Bagi pemimpin akar umbi iaitu JKJK, JKJKP dan JKJKOA pula, pelbagai program pembangunan modal insan telah disediakan bagi memastikan institusi JKJK ini diketuai oleh mereka yang berkelayakan dan berpandangan jauh selaras dengan kemajuan sosial negara. Seperti contoh, semenjak tahun 2017 Kementerian Kemajuan Luar Bandar telah melaksanakan program Sijil Tadbir Urus Desa menerusi kerjasama INFRA dan UniKL yang bertujuan untuk meningkatkan profesionalisme JKJK di seluruh negara. Kursus ini mensasarkan semua Pengerusi JKJK, JKJKP dan JKJKOA menghadiri kursus selama 3 hari.

16. Selain Sijil Tadbir Urus Desa, kini KKLW telah melangkah ke hadapan lagi dalam usaha untuk meningkatkan modal insan JKJK dengan pewujudan program Diploma Eksekutif Pembangunan Luar Bandar melalui kerjasama INFRA dan Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM) dan Diploma Pengurusan Luar Bandar oleh UniKL. Kedua-dua program diploma yang ditawarkan ini adalah program lanjutan daripada Sijil Tadbir Urus Desa yang sedang giat dilaksanakan di seluruh negara. Program ini ditawarkan kepada semua anggota JKJK yang berminat untuk mendalami ilmu berkaitan pembangunan luar bandar. Untuk makluman, seramai 70 orang JKJK telah berjaya memperolehi Diploma Eksekutif Pembangunan Luar Bandar pada 29 Mac lalu di PWTC, Kuala Lumpur.

17. Kesemua program modal insan ini bertujuan melahirkan generasi pemimpin JKJK yang lebih berwibawa, berkualiti serta setaraf dengan penjawat awam. Ini kerana, kerajaan sedar bahawa JKJK ini juga adalah satu organisasi yang rasmi di peringkat kampung dan wujudnya keperluan bagi memastikan bahawa ia ditadbir dengan lebih berkesan dan sistematik. Kehadiran pemimpin-pemimpin tempatan khususnya ahli politik di kawasan tuan/puan seperti Dato' Johan akan lebih membantu JKJK dalam merencanakan pembangunan kampung yang lestari.

18. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang begitu prihatin dengan dilema dan permasalahan yang dihadapi di peringkat akar umbi sehingga tercetusnya idea skim insurans takaful berkelompok kepada JKJK, JKJKP dan JKJKOA ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua JKJKP dan JKJKOA yang hadir pada hari ini di atas usaha dan pengorbanan mereka selama ini dalam mentadbir kampung masing-masing. InsyaAllah, dengan adanya skim insurans ini, nasib tuan/puan yang tanpa mengira waktu bertugas demi kesejahteraan penduduk kampung akan terjaga. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih KKLW kepada YB Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz

kerana telah membantu KKLW di dalam menyelia JKKKP di Parlimen Hulu Langat ini.

Dengan lafaz bismillahirrahmannirrahim, saya dengan sukacitanya melancarkan Skim Insurans Takaful Berkelompok JKKK, JKKKP dan JKKKOA pada pagi ini. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.